



KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA

SIARAN MEDIA

KPN PERKENAL KEMPEN TAAT SETIA RUKUN NEGARA SEMPENA ULANG TAHUN KE-55 RUKUN NEGARA

PUTRAJAYA, 7 Ogos – Kementerian Perpaduan Negara (KPN) telah memperkenalkan Kempen Taat Setia Rukun Negara sempena ulang tahun pengisytiharan ke-55 Rukun Negara tahun ini sebagai satu daripada usaha untuk meningkatkan penghayatan rakyat Malaysia terhadap prinsip-prinsip Rukun Negara.

Kempen ini diadakan bertujuan untuk **memperkukuh perpaduan nasional menerusi penghayatan prinsip-prinsip Rukun Negara**, menggalakkan rakyat, terutamanya dalam kalangan generasi muda agar terus berpegang kepada asas pembentukan negara serta mempertingkat kesedaran awam mengenai kepentingan taat setia kepada negara dan perlembagaan Malaysia.

Semua rakyat Malaysia yang berada di dalam negara mahupun luar negara digalakkan untuk mengambil bahagian dalam kempen ini dengan **memuat naik video dan gambar berkaitan Rukun Negara sepanjang bulan Ogos hingga 16 September ini dengan menggunakan tanda pagar #TaatSetiaRukunNegara #55TahunRukunNegara** di platform media sosial masing-masing.

YB Datuk Aaron Ago Dagang, Menteri Perpaduan Negara berkata, “Sepanjang sambutan Hari Kebangsaan dan Hari Malaysia tahun ini, KPN akan melaksanakan 11 inisiatif untuk meningkatkan penghayatan Rukun Negara sebagai wadah penyatupaduan rakyat Malaysia”. Antara program yang dilaksanakan ialah **Konvensyen Sekretariat Rukun Negara, Sambutan Anak Merdeka 31 Ogos, Program Malaysiaku Merdeka, Jejak Merdeka Gen Z, Pertandingan Pidato Rukun Negara dan Kembara Harmoni Merdeka**.

Beliau berkata, “Rukun Negara ialah asas kepada usaha memperkukuh perpaduan, menjamin kestabilan, serta membina masa depan negara yang lebih mampan. Rukun Negara mencerminkan komitmen dan aspirasi nasional untuk **membentuk sebuah masyarakat yang bersatu padu, adil, saksama, demokratik dan progresif**”.

KPN berharap melalui Kempen Taat Setia Rukun Negara ini, rakyat Malaysia akan lebih menghargai, memahami, dan menghayati prinsip-prinsip Rukun Negara sebagai asas perpaduan dan keharmonian negara seterusnya membentuk masyarakat MADANI yang yang progresif, inklusif dan berintegriti.

Kementerian Perpaduan Negara
7 Ogos 2025
KPN.100-9/1/16 (62)